

## Universiti UCSI Bina Kampus Kelima di Seri Iskandar

Hasrat kerajaan negeri menjadikan Seri Iskandar sebagai hub pendidikan menyaksikan satu lagi perkembangan memberansangkan dengan penubuhan Kampus UCSI, sebuah universiti bertaraf antarabangsa. Kampus di Seri Iskandar di Perak yang akan mulakan pembinaannya tahun depan merupakan kampus UCSI yang kelima selepas dua di Kuala Lumpur, Terengganu dan Sarawak. Penubuhan kampus UCSI di Perak merupakan projek usahasama antara UCSI dan Jumbo Straits Sdn Bhd (JS) melibatkan kawasan berkeluasan 48 hektar keseluruhannya. Daripada jumlah itu, 8 hektar akan digunakan untuk membangunkan sebuah boutique hotel, service apartment, kampus UCSI dan selebihnya merupakan pembangunan bercampur. Projek ini yang akan menyaksikan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion dalam tempoh lima tahun dijangka bermula tahun depan. Satu majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara pihak pengurusan UCSI dan Jumbo Straits yang diwakili Sunny Yee telah diadakan di kampus utama UCSI di Kuala Lumpur hari ini. Majlis menandatangani perjanjian itu telah disaksikan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir bersama pengerusi dan pengasas UCSI Datuk Peter Ng. "Kampus UCSI ini merupakan satu lagi projek terbaru yang kita lihat akan merencanakan pembangunan Seri Iskandar sebagai hub pendidikan. Selain itu, MB Inc juga akan membangunkan 400 hektar tanahnya di kawasan sama bagi mewujudkan Bandar Universiti. Semua ini merupakan tambahan kepada kemudahan pengajian yang sedia ada di situ seperti Universiti Petronas dan IKBN. Dengan semua perancangan ini, kita jangkakan bandar Seri Iskandar akan berjaya dibangunkan sepenuhnya dalam tempoh 10 tahun lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian tersebut. Sebelum itu, Naib Canselor dan Presiden Universiti UCSI, Prof Datuk Dr Khalid Yusoff berkata kampus UCSI Seri Iskandar akan menfokus kepada membangunkan bidang hospitaliti dan pelancongan. Katanya langkah itu dilihat perlu bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor pelancongan dalam negara yang agak terdesak ketika ini. Kata beliau lagi dengan usaha promosi agresif kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan, negara dijangka memerlukan 2.3 juta tenaga kerja mahir dalam bidang hospitaliti menjelang 2020. "UCSI berharap graduan yang dihasilkan daripada kampus Seri Iskandar ini dapat memenuhi permintaan guna tenaga dalam sektor pelancongan negara lebih-lebih lagi negeri Perak mempunyai pelbagai aset pelancongan yang berpotensi tinggi," katanya. Kampus UCSI Seri Iskandar akan memulakan pengambilan pelajar pertamanya tahun depan dengan sasaran seramai 200 orang. Pada peringkat ini, pelajar akan ditempatkan di kampus sementara di Kuala Lumpur sementara menunggu Kampus UCSI Seri Iskandar siap pada 2016. Apabila siap sepenuhnya, Kampus UCSI Seri Iskandar dijangka akan mempunyai seramai 2,000 pelajar dengan 40 peratus adalah pelajar asing.